

Tidak perlu ada dasar buruh bawah umur: PM

KUALA LUMPUR, Selasa - Malaysia tidak perlu merumuskan dasar berhubung buruh kanak-kanak kerana tidak ada kanak-kanak di negara ini dipaksa melakukan sebarang bentuk pekerjaan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata sebaliknya apa yang berlaku ialah negara menghadapi masalah kekurangan pekerja sehingga terpaksa membawa masuk pekerja asing.

"Saya tidak nampak ramai kanak-kanak yang dipaksa bekerja tetapi mereka yang berusia belasan tahun ada bekerja untuk mendapatkan duit poket.

"Sebaliknya, al-Arqam ada menggunakan kanak-kanak untuk menjual akhbar... tetapi pihak lain tidak ada," katanya kepada pemberita selepas majlis pembinaan tingkat tambahan Menara Kuala Lumpur di sini, hari ini.

Beliau diminta mengulas cadangan seorang peserta Kongres Antarabangsa ke-10 Mengenai

Penderaan dan Penganiayaan Kanak-Kanak di sini semalam, yang meminta kerajaan memperkenalkan dasar itu.

Majlis itu menandakan berakhirnya kerja membina tiang konkrit setinggi 335 meter dan bermulanya proses memasang tiang keluli setinggi 86 meter lagi.

Dr Mahathir berkata, kongres antarabangsa itu seolah-olah hanya ingin melihat kelemahan negara ini sedangkan peserta negara asing yang menghadirinya patut melihat kelemahan di negara sendiri terlebih dulu.

Mengenai penahanan kanak-kanak bersama pengikut al-Arqam, beliau berkata, kerajaan tidak menahan kanak-kanak kerana mereka perlu mengikut ibu bapa yang ditahan.

Menurutnya, tindakan penahanan itu dibuat oleh jabatan agama negeri dengan bantuan polis.

Menjawab soalan, beliau berkata, kerajaan mempunyai hak untuk menahan pemimpin al-Arqam, Asaari Moham-

ad, dan pemimpin lain dalam kumpulan itu sehingga tempoh dua bulan bagi membolehkan siasatan dijalankan.

Mengenai masalah jerebu yang melanda Lembah Klang sejak beberapa minggu lalu, beliau berkata, ia bukan disebabkan oleh faktor setempat, sebaliknya turut melanda negara jiran Singapura.

"Rakan saya dari Singapura memberitahu keadaan pemandangan dari dalam biliknya sama seperti di Kuala Lumpur. Dalam penerbangan saya ke Kota Kinabalu semalam, keadaan berjerebu itu juga dapat dilihat," katanya.

Dr Mahathir berkata, keadaan berjerebu itu bukan disebabkan oleh faktor seperti pembakaran terbuka dan sehingga kini belum diketahui punca sebenar ia berlaku.

"Bahkan ketika berlaku letupan gubung berapi Pinatubo di Filipina, abu letupan itu boleh sampai ke sini," katanya.